

# TULISAN JAWI DI NEGERI PAHANG: CABARAN DAN HARAPAN

Mohd Zawavi Bin Zainal Abidin<sup>1</sup>

Tel: +6013-9286521 E-mail: [zawawi@unipsas.edu.my](mailto:zawawi@unipsas.edu.my)

Norahida Binti Mohamed<sup>2</sup>

Tel: +6012-9476466 E-mail: [norahida@unipsas.edu.my](mailto:norahida@unipsas.edu.my)

## Abstrak

Tulisan Jawi merupakan warisan khazanah peradaban Islam di alam Melayu yang sangat bernilai. Namun begitu, kedudukan tulisan Jawi pada hari ini tidak lagi seperti zaman sebelum kedatangan penjajah. Hal ini berikutan kewujudan Akta Bahasa 1963 yang menetapkan tulisan Rumi sebagai tulisan rasmi bahasa Melayu. Keadaan ini menyebabkan kedudukan tulisan Jawi di Malaysia telah tergugat. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sejarah penggunaan tulisan Jawi di Pahang serta menganalisis cabaran-cabaran yang dihadapi dan langkah yang diambil dalam memperkasakan tulisan ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Data-data dikumpul melalui analisis dokumen. Hasil kajian menunjukkan bahawa antara cabaran yang dihadapi dalam memartabatkan tulisan Jawi ialah persepsi masyarakat bukan Melayu serta kelemahan penguasaan ejaan Jawi yang tepat. Manakala usaha-usaha untuk menyemarakkan kembali penggunaan tulisan Jawi telah dilaksanakan melalui peranan istana, penubuhan institut Jawi serta pembangunan aplikasi e-Jawi Makmur.

**Kata kunci:** Tulisan Jawi, Pahang, Cabaran Pemerkasaan

---

<sup>1</sup> Naib Canselor, UnIPSAS. [zawawi@unipsas.edu.my](mailto:zawawi@unipsas.edu.my).

<sup>2</sup> Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi, UnIPSAS. [norahida@unipsas.edu.my](mailto:norahida@unipsas.edu.my). Diterima; 18 November 2024. Disemak; 4 Disember 2024, Diterbitkan; 31 Disember 2024.

## PENGENALAN

Kedatangan Islam ke alam Melayu telah mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan masyarakat di Nusantara. Antara pengaruh yang paling ketara adalah kemunculan abjad tulisan Arab yang menjadi induk kepada tulisan Jawi. Penggunaan tulisan jawi yang sangat meluas pada masa dahulu menjadikan tulisan Jawi mampu berperanan sebagai alat komunikasi dalam urusan pentadbiran serta alat pengembangan ilmu sehingga ke peringkat global (Sabariah Binti Haji Bahrun, 2008) Walau bagaimanapun, kemerosotan penggunaan tulisan Jawi mula terjadi selepas Akta Bahasa Kebangsaan diwartakan pada tahun 1963 dengan memutuskan bahawa tulisan rasmi negara Malaysia ialah tulisan Rumi. Keputusan ini memberi impak besar terhadap penggunaan tulisan Jawi sama ada dalam institusi pendidikan, urusan pentadbiran kerajaan, media penerbitan dan sebagainya (Abdul Hamid, F. & Abdul Latif, F. 2014).

Antara isu yang selalu dibangkitkan berkaitan dengan tulisan Jawi ialah isu kekeliruan dengan kaedah ejaan Jawi yang diperkenalkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (Zurina & Adi Yasran, 2020). Terdapat kajian lepas yang menunjukkan bahawa kelemahan dalam penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan masyarakat adalah berpunca daripada sikap negatif terhadap tulisan Jawi seperti susah dipelajari, tidak penting dan tidak dinilai dalam peperiksaan. Hal ini memberi kesan terhadap pencapaian dan minat terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Isu-isu lain berkaitan tulisan Jawi adalah penggunaan tulisan jawi di sekolah vernakular, kesalahan ejaan Jawi di papan tanda dan sebagainya (Yaacob, N. R. N., 2007).

Menyedari penggunaan tulisan Jawi yang semakin terpinggir pada masa kini, kerajaan negeri Pahang telah mengambil inisiatif bagi memperkasakan penggunaan tulisan Jawi. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sejarah penggunaan tulisan Jawi di Pahang serta menganalisis cabaran-cabaran yang dihadapi dan langkah yang diambil dalam memperkasakan tulisan ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis dokumen. Dokumen-dokumen yang diperoleh dianalisis secara induktif.

## ASAL USUL PERKATAAN JAWI

Tulisan Jawi ialah tulisan huruf-huruf Arab yang digunakan di kepulauan Melayu atau juga dikenali sebagai tulisan Melayu berhuruf Arab. Jawi telah dinamakan oleh orang Arab untuk merujuk kepada huruf yang digunakan oleh orang Kepulauan Melayu yang beragama Islam dan menggunakan bahasa Melayu. Perkataan Jawi adalah kata sifat atau adjektif yang disandarkan kepada orang Melayu yang berasal dari Tanah Jawa. Hal ini berdasarkan pandangan Yaqut al-Hamawi yang mengatakan perkataan Jawi adalah berasal daripada perkataan Arab *al-Jawah* yang merujuk kepada Pulau Sumatera seperti dalam catatan Arab sebelum pertengahan abad ke-14 masihi. Selain itu, Ibn Batutah juga menggunakan nama *al-Jawah* bagi merujuk kepada Nusantara. Justeru, nama *Jawah* atau *Jawi* tidak hanya merujuk kepada kepulauan Jawa dan penduduknya sahaja bahkan ia digunakan untuk seluruh daerah Asia Tenggara dan penduduknya sekali (Abdullah, B., et.al., 2012).

Setelah Islam bertapak di Tanah Melayu, usaha-usaha untuk mempelajari Islam adalah melalui sumbernya yang utama iaitu al-Quran dan hadis. Bentuk pendidikan Islam yang mula-mula diperkenalkan adalah mengenal huruf-huruf *hijaiyyah*. Maka untuk memudahkan lagi usaha penyebaran ilmu-ilmu Islam, para ulama dan pendakwah telah memperkenalkan suatu tulisan huruf

yang menyerupai tulisan huruf Arab dikenali sebagai tulisan jawi. Hal ini bermakna, orang Melayu telah menerima tulisan Jawi secara langsung daripada orang Arab dan merekalah yang mula-mula menggunakan sistem tulisan Arab untuk menulis bahasa Melayu yang dikenali dengan nama tulisan Jawi (Ahmad, S. et.al., 2018).

Akhirnya terbentuklah satu sistem tulisan yang mengandungi abjad yang terdiri daripada 29 abjad Arab sedia ada dan lima abjad baru yang mewakili bunyi dalam bahasa Melayu iaitu cha (چ), nga (غ), pa (ف), ga (ك) dan nya (پ). Seterusnya pada tahun 1984 satu lagi huruf baru ditambah bagi mewakili abjad v iaitu va (ج). Pada tahun 1988, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menyenaraikan 37 abjad Jawi yang digunakan dalam bahasa Melayu (Ahmad, S., et.al., 2018).

## **TULISAN JAWI DI NEGERI PAHANG**

Pahang adalah salah satu negeri Pantai Timur yang mengalami proses Islamisasi lebih awal daripada Kesultanan Melayu Melaka. Antara bukti kedatangan Islam di Pahang adalah dengan penemuan Batu Nisan di Kampung Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan, Pahang yang bertarikh 419H/1028M. Batu nisan tersebut ditemui pada awal tahun 1954 ketika mana orang kampung menggali kubur. Penemuan batu nisan ini telah menunjukkan kedatangan Islam lebih awal di negeri-negeri Tanah Melayu bahkan membuktikan kedatangan Islam di Pahang lebih awal berbanding Melaka (1414M) dan Terengganu (1303M) (Rosele, et.al., 2015).

Kemunculan tulisan Jawi pula mempunyai hubung kait yang sangat rapat dengan perkembangan ajaran Islam. Tulisan jawi pada permulaannya diperkenalkan di istana yang memainkan peranan penting sebagai pusat pentadbiran, kesusasteraan dan keagamaan. Tulisan Jawi yang dipraktikkan di istana kemudiannya digunakan secara meluas oleh segenap lapisan masyarakat dalam setiap urusan sama ada dalam aspek politik, ekonomi, sosial mahupun aspek keagamaan (Ahmad Farid & Yaakub, 2015).

Walaupun tanah Melayu pernah berada di bawah penjajahan British, tulisan Jawi masih lagi digunakan dengan meluas. Di negeri Pahang, penggunaan tulisan jawi dalam surat-surat kepada kerajaan Inggeris digunakan semasa pemerintahan Sultan Ahmad iaitu Sultan Pahang yang pertama daripada keturunan Bendahara. Begitu juga J.P Rodger iaitu Residen British yang pertama di Pahang turut menggunakan tulisan jawi dalam surat-suratnya kepada Sultan Ahmad Tulisan Jawi di negeri Pahang juga digunakan dalam menulis manuskrip yang mengandungi pelbagai khazanah ilmu. Antara manuskrip tersebut ialah Hukum Kanun Pahang, Hikayat Pahang, Hikayat Ulu Pahang serta manuskrip-manuskrip perubatan yang terdapat di Lembaga Muzium Negeri Pahang (Ahmad Farid & Yaakub Isa, 2015).

## **CABARAN TULISAN JAWI**

Tulisan Jawi bukan sekadar simbol tetapi ia menggambarkan identiti dan jati diri bangsa dan negara. Walau bagaimanapun, penggunaan tulisan Jawi mengalami kemerosotan apabila Akta Bahasa 1963 menetapkan tulisan rumi menjadi tulisan rasmi bahasa Melayu. Rentetan daripada penguatkuasaan akta ini, penggunaan tulisan Jawi semakin dipinggirkan. Di samping itu, tulisan Jawi juga sering berhadapan dengan isu-isu yang dibangkitkan oleh beberapa pihak yang boleh mengugat kedudukan tulisan Jawi di Malaysia.

### **(a) Cabaran persepsi masyarakat bukan Melayu**

Pada masa kini, usaha untuk menyemarakkan penggunaan tulisan Jawi sedang dipergiatkan. Hal ini dilakukan melalui penguatkuasaan penggunaan tulisan Jawi pada nama-nama jalan, papan iklan dan papan tanda premis perniagaan di beberapa negeri seperti Pahang, Terengganu, Kelantan dan Johor.

Penggunaan tulisan Jawi turut diperkasakan dalam kurikulum pendidikan semasa dan diperkukuhkan dengan pengenalan Program j-Qaf melalui penekanan khusus kepada pengajaran Jawi, al-Quran, bahasa Arab dan Fardu 'Ain bermula tahun 2002. Idea untuk mengembalikan kegemilangan tulisan Jawi dan Khat disebar luaskan ke Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) dengan memperkenalkan tulisan Jawi dan Khat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 4 bermula tahun 2020 (Habibah @ Artini Ramlie et.al. 2021).

Namun begitu, polemik timbul apabila pertubuhan pendesak Cina, Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina (Dong Zong) menzahirkan rasa tidak puas hati dengan cadangan pembelajaran tulisan Jawi di sekolah vernakular. Pandangan yang diutarakan berkaitan isu ini membawa kepada tercetusnya bibit-bibit masalah perkauman. Tidak kurang juga pandangan berbaur politik serta dakwaan menyatakan tulisan Jawi diperkenalkan dengan tujuan untuk 'mengislamkan' masyarakat bukan Melayu serta tidak sesuai diperkenalkan di SJK atas pelbagai alasan (Habibah @ Artini Ramlie et.al. 2021).

Selain dalam pendidikan, bantahan penggunaan tulisan Jawi pada papan tanda juga pernah dikemukakan oleh Chow Yu Hui yang memfailkan permohonan mencabar ketetapan kerajaan Pahang untuk mewajibkan tulisan jawi di papan tanda dan iklan di premis perniagaan di negeri Pahang (Sinar Harian, 17 November 2020).

Walau bagaimanapun, satu kajian yang dijalankan oleh Norahida Mohamed et.al (2021) mendapati penggunaan tulisan Jawi masih boleh diterima oleh sebahagian masyarakat Cina di Malaysia. Malah dapat kajian juga menunjukkan masyarakat Cina yang bukan beragama Islam turut menyatakan persetujuan dan ada juga yang mengambil pendirian berkecuali terhadap isu penggunaan tulisan Jawi.

Penerimaan masyarakat bukan Melayu terhadap tulisan Jawi boleh dilihat melalui tinjauan di premis perniagaan bukan Melayu yang menunjukkan hampir semuanya telah memasang papan tanda bertulisan jawi (BH Online, 1 Januari 2020). Namun begitu, tidak dinafikan masih terdapat masyarakat yang mempunyai persepsi negatif kepada tulisan Jawi. Punca penolakan segelintir masyarakat bukan Melayu terhadap tulisan Jawi adalah berkemungkinan disebabkan salah faham mereka yang mengaitkan apa saja berkaitan Melayu mempunyai hubungan dengan Islam. Sebagai contoh, memeluk Islam dianggap 'masuk Melayu', mempelajari tulisan jawi adalah mempelajari agama Islam serta mempertahankan ketuanan Melayu adalah mempertahankan ketuanan Islam. (Ahmad, N. M., 2020).

Oleh yang demikian, pihak berkuasa perlu memainkan peranan yang lebih proaktif dalam memberikan kesedaran tentang tulisan Jawi serta berusaha memperbetulkan salah faham masyarakat berkaitan tulisan ini. Penerimaan masyarakat terhadap tulisan Jawi juga boleh didorong oleh faktor lain seperti sikap dan jangkaan manfaat daripada pelaksanaan tulisan Jawi.

Malahan, jangkauan manfaat yang diperoleh apabila menggunakan tulisan Jawi boleh menjadi sebab yang sangat kuat untuk seseorang individu mempunyai reaksi yang positif terhadap sesuatu perubahan yang dilaksanakan (Mahmood, W. B. W., Idris, K., Samah, B. A., & Omar, Z., 2016).

### **(b) Kesalahan Ejaan Jawi pada Papan Tanda**

Usaha untuk memartabatkan tulisan Jawi kembali rancak sejak akhir-akhir ini. Penggunaan tulisan Jawi pada papan tanda merupakan usaha yang harus dipuji bagi menggalakkan orang ramai kembali menggunakannya. Walau bagaimanapun, penggunaan tulisan Jawi yang terdapat pada papan tanda di premis-premis perniagaan dan jalan masih mempunyai kesalahan ejaan Jawi.

Kaedah pengejaan tulisan Jawi pada masa kini adalah mengikut kaedah Pedoman Umum Ejaan Jawi Dewan. Sistem ejaan ini dilihat dapat memenuhi keperluan ejaan Rumi masa kini terutamanya untuk mengeja perkataan bahasa Inggeris yang telah diserap ke dalam bahasa Melayu.

Antara kesalahan yang paling ketara berlaku pada papan tanda adalah ejaan perkataan serapan bahasa Inggeris. Sebagai contohnya ialah penggunaan huruf “k”. Dalam ejaan Jawi, perkataan serapan bahasa Inggeris yang mempunyai huruf ‘k’, dilambangkan dengan huruf (ك). Oleh sebab itu, ejaan bagi perkataan “butik” ialah بوتیک, bukannya بوتیق. Dalam tulisan Jawi juga, huruf kaf yang digunakan adalah berbentuk ك, bukannya ك yang hanya digunakan untuk kata nama khas daripada perkataan Arab.

Terdapat banyak lagi kaedah ejaan tulisan Jawi terutamanya yang melibatkan penggunaan huruf alif (ا). Huruf alif dalam ejaan Jawi terikat kepada beberapa kaedah yang menentukan sama ada huruf alif tersebut dikekalkan atau digugurkan. Antara contoh kaedah yang menggugurkan huruf ‘a’ atau alif dalam ejaan Jawi ialah ejaan bagi suku kata KVK (konsonan vokal konsonan). Kaedah ini berlaku pada suku kata KVK yang berbunyi /a/. Sebagai contoh perkataan “benar”. Suku kata "nar" ialah KVK dengan vokal /a/. Jadi, kaedah untuk mengeja perkataan ini adalah dengan tidak meletakkan alif dalam penulisan Jawi. Justeru ejaan yang betul bagi perkataan “benar” dalam Jawi ialah بنر.

Terdapat banyak lagi kesalahan lain pada papan tanda yang terdapat di negeri Pahang. Oleh itu, ejaan Jawi yang digunakan pada papan tanda perlu dieja dengan betul untuk mengelakkan kekeliruan masyarakat. Justeru, penulisan ejaan yang betul dapat mendidik masyarakat untuk mendekati dan mempelajari tulisan yang menjadi warisan kebudayaan yang sangat bernilai.

### **LANGKAH BAGI MELESTARIKAN TULISAN JAWI**

Keprihatinan pihak istana dalam melestarikan tulisan Jawi memberikan dimensi baharu kepada negeri Pahang apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Abdullah Al-Haj Ibnu Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah (kini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong) bertitah agar penggunaan tulisan Jawi diperluas ke seluruh negeri Pahang. Pada 13 November 2018, baginda bertitah agar penggunaan tulisan Jawi diperluas ke seluruh negeri Pahang merangkumi papan tanda jalan, premis perniagaan dan perumahan di seluruh negeri bagi memartabatkan semula tulisan ini. Malah, baginda menekankan agar tulisan Jawi perlu terus diajar di sekolah-sekolah sehingga ke peringkat universiti bagi meningkatkan rasa kecintaan terhadap tulisan Jawi.

Pada masa kini, usaha untuk menyemarakkan penggunaan tulisan Jawi sedang dipergiatkan. Hal ini dilakukan melalui penguatkuasaan penggunaan tulisan Jawi pada nama-nama jalan, papan iklan dan papan tanda premis perniagaan di beberapa negeri khususnya di negeri Pahang. Selain itu, pengajaran tulisan Jawi mengikut ejaan terkini juga dilakukan melalui media sosial dan media massa seperti rancangan ‘Klinik Jawi’ yang disiarkan di radio Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) (Ibrahim, R., et.al., 2019).

Bagi memudahkan masyarakat menyemak ejaan Jawi yang betul, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) merupakan agensi pertama yang berjaya menubuhkan pangkalan data e-jawi Makmur dengan diselenggara terus oleh Munsyi Jawi Dewan. Dengan adanya aplikasi ini, ia membolehkan masyarakat merujuk kesahihan setiap patah perkataan tulisan jawi yang digunakan.

Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) turut mengambil peranan dalam menyemarakkan tulisan Jawi khususnya di negeri Pahang. Peranan ini telah bermula sejak tahun 2013 dengan menganjurkan Bengkel Kemahiran Jawi bersama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Pada 17 Februari 2020, secara rasminya Institut Jawi telah ditubuhkan bagi memastikan program berkaitan tulisan Jawi dapat dijalankan dengan lebih sistematik. Selain itu, Institut Jawi juga menjadi pakar rujuk bagi semakan atau pengesahan ejaan Jawi yang tepat di negeri Pahang.

Pemeriksaan penggunaan tulisan Jawi juga boleh dilaksanakan melalui pendidikan. Pada era digital ini, pengajaran guru haruslah selari dengan perkembangan semasa. Beberapa kajian membuktikan bahawa permainan bahasa dalam bentuk multimedia seperti *MyJawiGame* dan aplikasi perisian Jom Jawi dapat membantu murid sekolah rendah untuk menjiwai dan menghayati pembelajaran mata pelajaran Jawi dengan lebih baik (Wahab, N. S. A., et.al., 2017; Shapii et.al.,2020). Selain itu, para pendidik pada setiap peringkat pendidikan perlu meningkatkan pengetahuan dan penguasaan terhadap tulisan Jawi agar ejaan Jawi yang diajarkan adalah yang mengikut kaedah ejaan yang betul. Penulisan buku Jawi yang menarik juga perlu diperbanyakkan agar dapat memberikan peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk membiasakan diri membaca bahan-bahan dalam tulisan Jawi.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan perbincangan di atas, jelaslah bahawa usaha untuk memperkasakan tulisan Jawi berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam memastikan kelangsungan tulisan ini. Antara cabaran tersebut ialah persepsi masyarakat terhadap tulisan ini serta kelemahan penguasaan tulisan Jawi yang menyebabkan kesalahan ejaan tulisan. Walaupun pelbagai langkah telah dilaksanakan untuk memartabatkan tulisan ini, usaha tersebut tidak akan berjaya jika tidak mendapat komitmen yang padu dan berterusan daripada pelbagai pihak. Oleh kerana tulisan Jawi digunakan juga dalam penulisan manuskrip Melayu, penguasaan tulisan ini perlu dikuasai agar ilmu-ilmu yang dicatat dalam manuskrip dapat disebar luaskan kepada masyarakat melalui usaha transliterasi tulisan Jawi ke tulisan Rumi.

## RUJUKAN

- Abdullah, B., Abdullah, Z., Yusoff, Z. M., & Omar, N. (2012). Sejarah penulisan jawi di Terengganu sebelum 1957. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 6, 13-25.
- Abdul Hamid, F. & Abdul Latif, F. (2014). Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi: Analisis Mengenai Teori Kang Kyoung Seok. *Jurnal al-Tamaddun*. Bil, 9(2), 1-15.
- Ahmad Farid Abdul Jalal, Yaakob Isa. (2005). *Tulisan Jawi: sejarah, seni dan warisan*. Pahang: Lembaga Muzium Negeri Pahang.
- Ahmad, N. M. (2020). Definisi Melayu Dalam Perlembagaan Malaysia Dan Kesannya Terhadap Kefahaman Dan Amalan Ajaran Islam Di Malaysia: The Definition of Malay on Malaysian Constitution and Its Effect Towards Islamic Understanding and Practice in Malaysia. *Sains Insani*, 5(2), 9-16.
- Ahmad, S., Othman, H., Afkari, R., Rusdi, M., & Rahim, M. H. A. (2018). Tinjauan terhadap cabaran semasa tulisan Jawi sebagai warisan masyarakat peradaban bangsa Melayu. *Journal of Techno-Social*, 10(1).
- Bahrin, S. B. H., dan Moral, J. P. I., Kent, I. K., & Tuaran, S. (2008). Sistem Ejaan Jawi Yang diKemaskini oleh Dewan Bahasa dan Pustaka: Satu Tinjauan. Kertas Kerja, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral IPG Kampus Kent, Tuaran, Sabah.
- Habibah @ Artini Ramlie et.al. 2021. Isu Pengenalan Tulisan Jawi Dan Khat Di Sekolah Jenis Kebangsaan (Sjk) Dari Sudut Pandang Mahasiswa. *International Journal Of Education, Psychology And Counselling (IJEPC)*, 6 (39): 235-255.
- Ibrahim, R., Embong, R., Kadir, F. K. A., & Hashim, H. A. (2019). Pemeraksanaan tulisan Jawi dahulu dan kini. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 2(1), 29-37
- Norahida Mohamed et.al., (2021). Niat Penerimaan Masyarakat Cina di Malaysia Terhadap Penggunaan Tulisan Jawi Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IX: Naskhah Ulama Melayu dalam Akal Budi Nusantara
- Mahmood, W. B. W., Idris, K., Samah, B. A., & Omar, Z. (2016). Teori tingkah laku berencana dan tingkah laku menyokong perubahan: Satu sorotan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1(4), 27-36.).
- Rosele, M. I., Rahim, R. A. A., & Ramli, M. A. (2015). Islamisasi awal di Pahang: satu tinjauan teori. *Jurnal Kemanusiaan*, 13(1).
- Sabariah Sulaiman, Nur Hidayah Rashidi, & Seong, T. K. 2015. Pengaruh Islam, Arab dan Parsi dalam Inovasi Sistem Tulisan Jawi. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 6, 214-229.
- Shapii, A., Mahayuddin, Z. R., & Othman, S. (2020). Jom Jawi: Meningkatkan penguasaan bahasa Jawi di kalangan murid sekolah rendah mengguna media interaktif. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(3), 212-230.
- Wahab, N. S. A., Lubis, M. A., Mustapha, R., Sjahrony, A., & Febrian, D. (2017). Kefahaman Al-Quran dan jawi melalui permainan bahasa bermultimedia. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam And Civilization (ACER-J)*. eISSN2600-769X, 1(1), 41-53.
- Yaacob, N. R. N. (2007). Penguasaan Jawi dan hubungannya dengan minat dan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Islam. *Malaysian Journal of Educators and Education*, 22, 161-172.
- Zurina Abdullah, & Adi Yasran Abdul Aziz. (2020). Peminggiran Tulisan Jawi Sebagai Lambang Jati Diri Melayu: Satu Kajian Tinjauan: Abandonment of Jawi Script as a Symbol of Malay Identity: A Case Observation Research. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal*

(*JSASS*), 7(2), 244-255.  
<https://jsass.uis.edu.my/index.php/jsass/article/view/152>.

Retrieved

from

Prof. Dato' Dr. Mohd Zawavi Bin Zainal Abidin  
Tel: +6013-9286521  
Naib Canselor,  
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah.  
E-mail: [zawawi@unipsas.edu.my](mailto:zawawi@unipsas.edu.my)

Dr. Norahida Binti Mohamed  
Tel: +6012-9476466  
Timbalan Naib Canselor,  
Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi,  
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah.  
E-mail: [norahida@unipsas.edu.my](mailto:norahida@unipsas.edu.my)